



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TECHLYMPICS MENDORONG INOVASI BAKAT MUDA NEGARA

KUALA LUMPUR, 10 NOVEMBER 2021 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan kempen promosi dan pertandingan Malaysia Techlympics yang akan diadakan pada tahun hadapan. Inisiatif Malaysia Techlympics berkonsepkan pembelajaran *experiential* untuk memupuk kesedaran, minat, penciptaan idea dan pengaplikasian ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di kalangan pelajar dan belia berumur 7 hingga 30 tahun.

YB Dato' Sri Dr. Adham Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi semasa majlis pelancaran Malaysia Techlympics berkata, "MOSTI mendorong generasi muda untuk menganjak minda ke arah penciptaan solusi serta penyelesaian masalah menggunakan ilmu pengetahuan yang mereka pelajari di kelas serta membuat inovasi perubahan yang dapat memperbaiki gaya dan taraf hidup masyarakat. Inisiatif ini menyokong para inovator muda melahirkan cetusan idea dan prototaip yang berteraskan teknologi Revolusi Industri 4.0 (4IR). Justeru, STEM adalah bekalan penting dalam membangunkan bakat yang berkemahiran tinggi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi berteknologi tinggi masa hadapan."

Menurut YB Dato' Sri Dr. Adham lagi, Bajet 2022 yang diumumkan baru-baru ini turut memperuntukkan RM423 juta di bawah MOSTI dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi mempergiat aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), sekaligus

menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan peningkatan pembabitan pelajar dan belia dalam STEM.

Melalui inisiatif Malaysia Techlympics, peserta akan terlibat dalam program pembelajaran *experiential* melalui pendekatan secara maya (*virtual*) dan fizikal dengan tema Berhubung (*Connect*), Bersaing (*Compete*) dan Meraikan (*Celebrate*).

Aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan di bawah Malaysia Techlympics adalah berlandaskan bidang keutamaan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (MySTIE) yang dibangunkan MOSTI termasuk Sains, Kejuruteraan Pengkomputeran & Pengkomputeran Mikro, Internet Kebendaan (IOT), Robotik, Dron, Matematik, Reka Bentuk Kreatif & Animasi dan Pencetakan & Pembangunan 3D.

Pada majlis pelancaran hari ini, YB Dato' Sri Dr. Adham turut mengumumkan promosi "*Road to Malaysia Techlympics*" yang akan diadakan selama sebulan bermula 11 November sehingga 10 Disember 2021 dengan sokongan rakan korporat, agensi dan komuniti seperti Microsoft, Altair, Petrosains, Sasbadi Holdings Berhad, #MyDigitalMaker oleh Malaysia Digital Economy Corporation, Cyberview Sdn Bhd dan JomWeb. Antara aktiviti-aktiviti yang dirancang termasuklah:

1. **Kuiz Superstar Sains:** Pertandingan siri kuiz maya yang bertemakan sains;
2. **Pengangkutan Masa Hadapan:** Sesi tutorial dalam talian berkenaan reka bentuk kenderaan masa hadapan menggunakan perisian reka bentuk dan pembinaan prototaip.
3. **Mereka Cipta Dengan Arduino:** Bengkel pengenalan kepada asas mikropengawal (*microcontroller*) Arduino untuk membolehkan pelajar mengasah bakat kreativiti, pengetahuan mengekod dan kemahiran elektronik. Pendedahan kepada metodologi penyelesaian masalah mengikut tema yang berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) juga akan diberi.
4. **Teknologi Masa Depan:** Webinar yang memberi pengenalan kepada *Internet of Things* (IoT), diikuti dengan bengkel dalam talian untuk mengendalikan objek kawalan jarak jauh menggunakan IoT.

5. **Robotik Maya:** Pembelajaran secara maya dalam mengaturcara robot untuk menjalankan pelbagai tugas.
6. **Sains dan Penerbangan:** Pendedahan kepada teknik, proses dan simulasi penerbangan dron.
7. **Matematik Praktikal:** Bengkel kemahiran dan teknik pembelajaran matematik yang mudah dan menarik untuk guru dan pelajar.
8. **Bina Reka Bentuk Anda:** Siri webinar kepada asas dan aplikasi percetakan 3D untuk menghasilkan aplikasi *Augmented Reality* (AR) dan *Virtual Reality* (VR).
9. **Cipta Animasi AR/VR:** Program pembelajaran menggunakan aplikasi COSPACE dengan kod interaktif melalui platform reka bentuk S3 yang membolehkan pelajar mencipta animasi dan permainan dalam format 2D, 3D, AR dan VR.

Portal Malaysia Techlympics juga disediakan di mana para peserta boleh mendaftar dan menyertai aktiviti dan latihan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi, komunikasi, kerjasama, pemikiran kritis dan kreativiti. Selain daripada itu, maklumat berkenaan aktiviti "*Road to Malaysia Techlympics*" juga boleh diperolehi melalui portal tersebut. Para pelajar dan belia dijemput menyertai program awal "*Road to Malaysia Techlympics*" dengan mendaftar menerusi laman web www.techlympics.my.

TAMAT

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI